



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/10/125 (HQ)

Penyampaian hadiah kepada pemenang kumpulan pertama kempen myTNB Giveaway

- 500 baucar Shopee bernilai RM50,000 untuk dimenangi pelanggan myTNB yang menghubungkan akaun kediaman TNB mereka bermula 16 September sehingga 31 Oktober 2021.

Bagi meraikan kejayaan mencapai lebih daripada 5 juta pengguna myTNB, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melancarkan kempen myTNB Giveaway yang berlangsung dari 16 September sehingga 31 Oktober 2021. Kempen ini memberi peluang kepada pelanggan TNB untuk menjadi antara 500 pemenang baucar Shopee bernilai RM100 setiap satu. Kempen ini terbuka kepada setiap pelanggan yang menghubungkan akaun elektrik kediaman mereka dengan aplikasi atau portal myTNB.

Pemenang bagi kumpulan pertama telah dihubungi pada awal bulan Oktober 2021 menerusi e-mel yang telah didaftarkan. Kumpulan pemenang yang berikutnya akan diumumkan pada setiap dua minggu dengan kumpulan yang terakhir diumumkan pada minggu pertama November 2021. Senarai pemenang boleh didapati di portal myTNB (www.mytnb.com.my) pada November 2021.

“Aplikasi myTNB telah berkembang pesat sejak diperkenalkan pada tahun 2013. Sokongan dan maklum balas daripada pelanggan telah mendorong kami untuk meningkatkan perkhidmatan kami agar menjadi lebih baik. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan pengguna myTNB daripada 1.4 juta sebelum pandemik kepada 5.3 juta setakat ini,” kata Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

“Justeru, kami akan terus berusaha untuk memudahkan urusan pelanggan menerusi inovasi berdasarkan analisis keperluan setiap pelanggan dan kemajuan teknologi dalam memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang,” tambah Megat.

Kaedah Penyertaan

Terdapat dua (2) langkah yang mudah untuk menyertai kempen ini. Pertama, pelanggan perlu melakukan mana-mana transaksi berikut di aplikasi atau portal myTNB sepanjang tempoh kempen:

- Melakukan pembayaran penuh bil elektrik;
- Melakukan permohonan baharu untuk penyambungan elektrik;
- Menaik taraf bekalan elektrik kepada tiga fasa; ATAU
- Melakukan permohonan pertukaran penyewa (menukar nama pada akaun TNB)

Kedua, peserta perlu menyiaran satu hantaran di akaun media sosial mereka yang menyatakan mengapa myTNB menjadi pilihan mereka dengan melengkapkan ayat, "#ilovemyTNB kerana...." tidak lebih daripada 15 patah. Bagi tujuan semakan, hantaran media sosial tersebut perlu ditetapkan agar dapat dilihat umum. Seramai 500 pemenang akan dipilih daripada mereka yang memenuhi kriteria ditetapkan dan melakukan hantaran umum di akaun media sosial mereka.

Pelanggan yang masih belum memuat turun aplikasi myTNB digalakkan untuk melakukannya dari Google Play Store, Apple App Store atau Huawei AppGallery. Pelanggan juga boleh mendaftar sebagai pengguna myTNB menerusi www.mytnb.com.my

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai kempen myTNB Giveaway, sila layari:
www.mytnb.com.my/promotions/mytnbgiveaway

Diterbitkan di Kuala Lumpur pada 13 Oktober 2021 jam 10:00 am/pm
Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401
atau e-mel ke media@tnb.com.my

S.A. 2021/10/125 (HQ)



Poster promosi kempen Giveaway myTNB yang berakhir pada 31 Okt 2021.



Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.